

21/08/2003

IAP MSC ke-7 terus dapat sambutan antarabangsa

Khairul Anuar Abdul Samad

KEMASUKAN dua ahli baru sebagai ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) membuktikan MSC sudah mendapat perhatian antarabangsa yang sekali gus mampu meningkatkan kekuatan dan kejayaannya pada masa depan.

Naib Presiden Kanan, Multimedia Development Corp (MDC), Dr Ghazie Ismail, berkata dua ahli itu ialah Pengerusi Satyam Computer Services Ltd, Ramalingam Raju dan Timbalan Provost untuk inisiatif baru, Institut Teknologi Illinois, Dennis Robertson.

Katanya, mereka sebelum ini adalah pemerhati mesyuarat itu dan kini dinaikkan kepada ahli untuk kepentingan IAP sendiri selain membuktikan tenaga mereka amat diperlukan pada mesyuarat itu demi kepentingan MSC pada masa depan.

"Dengan pelantikan dua ahli itu, IAP kali ini akan menyaksikan penyertaan ahli untuk mesyuarat itu paling ramai tahun ini dengan 31 peserta, iaitu 17 ahli dan selebihnya perwakilan," katanya di Cyberjaya, Isnin lalu.

IAP kali ke-7 ini akan diadakan di Cyberjaya, September depan yang akan dipengerusikan buat kali terakhirnya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli panel tetap juga terus memberi sokongan untuk menghadiri mesyuarat itu.

Antaranya Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Inc, Bob Bishop; Ketua Penyelidik dan Pengarah Sains, Sun Microsystems Inc, Dr John Gage; Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan juga pengasas bersama The Acer Group, Datuk Dr Stan Shih dan Pengerusi Cyber Century Forum, Diana Lady Dougan.

Dr Ghazie berkata, IAP kali juga terbukti mendapat sambutan daripada syarikat utama dunia dalam teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) berikutan kunjungan pertama mereka ke mesyuarat bertaraf antarabangsa ini.

Katanya, antara mereka yang akan menghadiri mesyuarat buat pertama kali ialah Naib Canselor Emeritus, Profesor Kejuruteraan Elektrikal Universiti Cambridge, Profesor Sir Alec Broers dan Naib Presiden Eksekutif Motorola, Gene Delaney.

Selain itu beliau menegaskan, mesyuarat IAP kali ini turut menjadi tarikan kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SAP Asia Pasifik, Hans-Peter Klaey dan Naib Presiden Kanan (Korporat) Fujitsu, Dr Kazuo Murano.

"Apa yang menarik pada mesyuarat kali ini ialah ia akan membincang tajuk lebih maju berbanding tahun lalu yang akan membabitkan bidang baru seperti penggabungan pelbagai teknologi seperti telekomunikasi di samping perkhidmatan termaju yang dijangka mampu disediakan oleh MSC," katanya.